

03 FEB 1997

Indonesia-Greg

INDONESIA SEDIA SUMBANG BAHAN BINAAN KEPADA MANGSA RIBUT GREG

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Kerajaan Indonesia bersedia menyumbangkan bantuan berbentuk bahan-bahan binaan seperti simen, papan, zink dan peralatan binaan kepada Kerajaan Malaysia bagi program pemulihan mangsa tragedi ribut tropika Greg di Sabah, Disember lepas.

Kaunselor Penerangan Kedutaan Indonesia Achmad Nawawi Hasbi berkata kerajaan Indonesia sedang menunggu keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai bahan-bahan binaan yang diperlukan.

Presiden Suharto sudah menulis surat kepada Dr Mahathir meminta kepastian tentang bentuk bantuan yang perlu diberikan kerajaan Indonesia, katanya kepada pemberita selepas mengiringi Duta Besar Republik Indonesia Jacob Dastor menemui Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah US\$30,000 daripada Kerajaan Indonesia untuk mangsa ribut Greg di sini hari ini.

Achmad berkata jumlah bahan-bahan binaan yang akan disalurkan kepada mangsa ribut Greg bernilai kira-kira RM200,000.

Katanya sebelum ini Kerajaan Indonesia sudah menyampaikan sumbangan berbentuk selimut, pakaian dan makanan bernilai RM10,000 manakala Gabenor Sulawesi Selatan menyampaikan bantuan kewangan RM80,000 kepada mangsa itu.

Mengenai dakwaan bahawa kira-kira 100 mangsa kejadian itu masih hilang dan dipercayai rakyat Indonesia, Achmad berkata perkara itu sukar dipastikan sama ada mereka benar-benar hilang ataupun mereka sudah pulang ke Indonesia.

Katanya ini kerana kebanyakan rakyat Indonesia yang berada di Sabah beragama Kristian dan ada kemungkinan besar ramai yang pulang ke kampung masing-masing merayakan Hari Natal dan Tahun Baru sebelum tragedi itu berlaku.

Ribut tropika Greg melanda 11 daerah dan beberapa daerah kecil pantai barat Sabah pada awal pagi 26 Dis lepas.

Beliau berkata daripada jumlah 238 mangsa ribut Greg yang ditemui, 75 peratus adalah warga Indonesia.

Mengenai cadangan supaya mangsa ribut Greg rakyat Indonesia yang menetap secara haram di Sabah dihantar pulang, Achmad berkata ia bertepatan dengan program pemutihan yang dilaksanakan Kerajaan Malaysia.

Apabila ditanya mengenai hanya sejumlah kecil pendatang asing tanpa izin Indonesia yang mengambil peluang pulang ke negara asal tanpa dikenakan tindakan, beliau berkata Kedutaan Indonesia tidak dapat berbuat apa-apa lagi untuk memujuk rakyatnya mengambil peluang itu.

Katanya kedutaan sudah menasihatkan semua warga Indonesia yang masuk ke negara ini secara haram supaya menggunakan peluang yang diberikan Kerajaan Malaysia.

Beliau mengakui jumlah yang mengambil peluang itu sangat kecil, mungkin kerana beberapa sebab seperti tidak mahu membayar denda RM1,000 dan mahu menggunakan cara yang paling murah untuk balik ke Indonesia.

"Usaha kerajaan Malaysia memberi peluang kepada pendatang tanpa izin Indonesia seharusnya di dimanfaatkan dengan baik, hakikatnya jika ada risiko yang perlu ditanggung seperti tertangkap, kena sebat... terpulanglah," katanya. -- BERNAMA

HS NMO